

PROMOSI AKAUN SIMPANAN HARVEST 2019

Dikemaskini pada 13 Jun 2019

TEMPOH PROMOSI

“Promosi Akaun Simpanan Harvest 2019” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) bermula pada **13 Jun 2019** dan berakhir pada **31 Julai 2019**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan Syarat berikut adalah terpakai untuk Promosi di bawah.

ELIGIBILITY

1. Promosi terbuka kepada semua individu warga Malaysia dan bukan warga Malaysia yang sedia ada HLB dan Baru-Kepada-Bank (“NTB”) yang mana adalah Pemegang Akaun Simpanan “Harvest” (“Harvest SA”) (kemudian daripada ini disebut “Pelanggan”).
2. Promosi **TIDAK** terbuka kepada pelanggan bukan individu termasuk empunya tunggal, perkongsian, amalan profesional, syarikat dan badan korporat.
3. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, Pelanggan merujuk kepada:-
 - i. **Pelanggan baru** yang tidak mempunyai Harvest SA dengan HLB sebelum Tempoh Promosi.
 - ii. **Pelanggan sedia ada** bermaksud pelanggan yang mempunyai Harvest SA sebelum Tempoh Promosi.
4. Semua deposit mestilah “Dana Baharu” sahaja. “Dana Baharu” ditakrif sebagai:
 - (a) Wang tunai, ‘Financial Process Exchanges’ (“FPX”), Pindahan Segera, GIRO antara bank, dana baru yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain dan deposit ke dalam Akaun FD yang baru atau sedia ada yang dimiliki oleh Pelanggan dengan HLB / Hong Leong Islamic Bank Berhad’s (686191-W) (“HLISB”) dan/atau Akaun Semasa atau Akaun Simpanan / Akaun Semasa-i, / Simpanan-i yang dimiliki oleh Pelanggan yang dibuka dengan HLB / HLISB; dan
 - (b) Hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan / atau ‘Hong Leong Invest Safe’ semasa Tempoh Promosi yang dideposit semula ke dalam mana-mana Akaun Semasa atau Simpanan (“CASA”) Pelanggan.

Untuk tujuan ini, semua dana baru mesti diletakan dan didepositkan ke dalam Harvest SA yang baru dimiliki oleh Pelanggan dan/ atau Akaun FD yang baru dan sedia ada yang dimiliki Pelanggan dalam tempoh tujuh (7) hari dari pemindahan.
5. Yang berikut tidak boleh dianggap sebagai “Dana Baru”:
 - (a) FD yang matang atau pengeluaran pramatang FD dari mana-mana Akaun FD HLB / Deposit Tetap-i (“FD-i”) HLISB yang sedia ada;
 - (b) Pindahan dana antara bank, iaitu pemindahan dana dari Akaun HLB / HLISB yang lain (sama ada Akaun Simpanan, Simpanan-i, Semasa, Semasa-i, FD, FD-i, Akaun Pelaburan Am (“GIA”)); dan

- (c) Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).
6. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa penipuan atau kesalahan berkaitan dengan manamana kemudahan yang diberi oleh HLB / Hong Leong Islamic Bank Berhad's (686191-W) ("HLISB") atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi TIDAK layak menyertai Promosi ini.
 7. Pelanggan yang telah melakukan, atau dikenalpasti oleh HLB / HLISB berpotensi melakukan apa-apa kesalahan yang ditetapkan di dalam Terma & Syarat ini akan serta-merta terlucut kelayakan daripada menyertai Promosi ini.

KAEDAH PROMOSI

Hadiah Pendaftaran

8. **Pelanggan baru** berhak menerima Hadiah Daftar Diri apabila membuka akaun dengan peletakan Amaun Deposit Minimum sebanyak **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000.00)** ke dalam **Harvest SA** sertaan yang baru dibuka semasa Tempoh Promosi, seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah:

Hadiah Pendaftaran	Amaun Deposit Minimum	Jumlah Peruntukan Hadiah Daftar Diri (Unit)
Beg Jinjing ATAU Tabung Syiling <i>Fluffy Bird</i>	RM1,000.00	1,200 unit Beg Jinjing 5,000 unit Tabung Syiling <i>Fluffy Bird</i>

9. Pelanggan baru yang menepati semua kriteria seperti yang dinyatakan dalam clausa 8 dan peletakan deposit mengikut clausa 4 akan dirujuk sebagai "Pelanggan Layak".
10. Hadiah Daftar Diri tertakluk kepada ketersediaan stok, dihadkan setakat **satu (1)** Hadiah Daftar Diri setiap Pelanggan Layak dan siapa cepat dia dapat. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, Pelanggan Layak akan menerima Hadiah Daftar Diri pada masa itu juga daripada cawangan HLB berkenaan apabila meletakkan deposit tersebut.

PROMOSI "SENIOR SAVERS FLEXI FD" HONG LEONG

11. Selain di atas, Pemegang Akaun juga layak untuk menyertai Promosi Senior Savers Flexi Fixed Deposit Hong Leong ("Promosi FD") sepanjang Tempoh Promosi atau apabila mencapai saiz dana sebanyak **Ringgit Malaysia Tiga Ratus Juta (RM300,000,000)**, mengikut mana yang dahulu ("Tempoh Promosi FD"), melainkan diberitahu sebaliknya.
12. Untuk menikmati kadar Promosi FD tersebut, Pelanggan perlu membuat peletakan deposit di antara amaun minimum dan maksimum yang ditetapkan di Amaun Peletakan FD dan Amaun Peletakan Harvest SA ("Amaun Peletakan") seperti yang dinyatakan di dalam jadual di bawah secara serentak ke dalam Akaun FD dan Harvest SA yang baru atau sedia ada masing-masing sepanjang Tempoh Promosi:-

Tempoh FD	Kadar Faedah Promosi FD	Kadar FD Efektif ¹	Amaun Peletakan FD +	Amaun Peletakan Harvest SA (Diperuntukkan selama 6 bulan berturut-turut)	Nisbah FD: HSA
12 bulan	4.30%p.a.	3.95%p.a. hingga 3.96%p.a.	Minimum: RM10,000 Maksimum: RM100,000	+ Minimum: RM2,000 + Minimum: RM20,000	10: 2

¹Kadar Efektif bagi 12-bulan “Senior Savers Flexi FD” dengan “Harvest SA” berbeza-beza bergantung kepada Amaun Peletakan FD dan Harvest SA.

Contoh 1: Pelanggan A meletakkan RM10,000 ke dalam Promosi FD dan RM2,000 ke dalam Harvest SA (kadar faedah: 0.10% setahun), diperuntukkan selama 6 bulan. Kadar Efektif untuk ialah 3.95% setahun.

Contoh 2: Pelanggan B meletakkan RM100,000 ke dalam Promosi FD dan RM20,000 ke dalam Harvest SA (kadar faedah: 0.20% setahun), diperuntukkan selama 6 bulan. Kadar Efektif ialah 3.96% setahun.

13. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, Pelanggan perlu membuat peletakan deposit Amaun Peletakan FD ke dalam Akaun FD yang baru atau sedia ada untuk tempoh 12 bulan (“Tempoh FD”) dan juga deposit Amaun Peletakan Harvest SA ke dalam yang baru atau sedia ada dan diperuntukkan selama 6 bulan berturut-turut (“Tempoh Peruntukan”). Amaun Peletakan Harvest SA Peletakan dan peruntukkan hendaklah dibuat serentak dengan Amaun Peletakan FD semasa Tempoh Promosi.
14. Untuk tujuan promosi ini, semua dana untuk Amaun Peletakan mesti mengikut klausa 4 yang dinyatakan di atas dan Pelanggan yang menepati semua kriteria dalam klausa 12 dan 13 akan dirujuk sebagai “Pelanggan FD Layak”.
15. Amaun Peletakan FD Minimum ialah **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000)** dan Amaun Peletakan FD Maksimum ialah **Ringgit Malaysia Seratus Ribu (RM100,000) untuk setiap Pelanggan FD Layak**. Jika Amaun Peletakan FD melebihi Amaun Peletakan Maksimum yang ditetapkan atau Had Saiz Dana masing-masing seperti yang dinyatakan di atas dicapai, Amaun Peletakan FD Konvensional yang melebihi Amaun Peletakan Maksimum yang ditetapkan atau Had Saiz Dana akan tertakluk kepada kadar FD konvensional semasa seperti yang ditentukan oleh HLB.
16. Jika Peletakan Amaun Peletakan Harvest SA dan / atau Amaun Peletakan FD dibatalkan, dikeluarkan (sepenuh atau sebahagian) atau dikeluarkan dalam Tempoh Peruntukan dan / atau dalam Tempoh FD atas apa jua sebab maka kadar semasa FD Konvensional akan ditaklukkan
17. Faedah FD akan dikreditkan ke dalam “Harvest SA” namaan Pelanggan FD Layak pada setiap bulan.
18. Apabila tarikh matang, Amaun pokok FD kemudian akan diperbaharui secara automatik pada kadar faedah semasa FD masing-masing dan kadar faedah yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam Harvest SA namaan Pelanggan FD Layak pada setiap bulan.
19. Pengeluaran separa dalam gandaan **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)** adalah dibenarkan untuk Amaun Peletakan FD. Walaubagaimanapun, peletakan Harvest SA mesti dikekalkan dalam Tempoh Peruntukan.

20. Sekiranya Amaun FD Konvensional dikeluarkan sebelum tarikh matang, sebahagian atau seluruh, faedah tidak akan dibayar bagi amaun pengeluaran sebahagian dan pengeluaran pramatang FD.
21. Amaun Peletakan FD TIDAK BOLEH digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan FD Layak.
22. Promosi ini TIDAK disahkan dengan promosi-promosi lain yang ditawarkan oleh HLB.

HADIAH PELANGGAN TERAWAL

23. Selain daripada kadar Promosi FD, HLB akan memberi ganjaran Hadiah Pelanggan Terawal kepada tujuh ratus (700) Pelanggan FD Layak pertama yang memenuhi amaun minimum perletakan FD dan amaun minimum perletakan Harvest SA semasa Tempoh Promosi seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah ("Pemegang Akaun Layak"):

Hadiah Pelanggan Terawal	Amaun Peletakan FD	Amaun Peletakan Harvest SA (Diperuntukkan selama 6 bulan berturut-turut)	Unit Sedia Ada	Harga Runcit (satu unit)²
<i>Thermos Super Light Executive Tumbler 0.5L</i>	RM100,000	RM20,000	700	RM155.00

²Harga Runcit di sini merujuk kepada harga yang disebutkan oleh pembekal HLB pada tarikh permulaan Promosi

24. Hadiah Pelanggan Terawal dilaksanakan atas dasar siapa cepat dia dapat, tertakluk kepada ketersediaan stok, dihadkan setakat **satu (1)** Hadiah Pelanggan Terawal bagi setiap Pemegang Akaun Layak sepanjang Tempoh Promosi tanpa mengira jumlah amaun yang diletakkan dalam Promosi FD dan/ atau Harvest SA sepanjang Tempoh Promosi.
25. HLB akan menjejaki Pemegang Akaun Layak secara automatik pada akhir Tempoh Promosi yang dimasukkan dan dipaparkan dalam sistem Bank.
26. Pemegang Akaun Layak akan diberitahu oleh Bank melalui telefon tidak lewat daripada lapan (8) minggu dari tarikh peletakan deposit ("Tarikh Pemberitahuan") untuk mengambil Hadiah Pelanggan Terawal.
27. Pemegang Akaun Layak bertanggungjawab mengambil Hadiah Pelanggan Terawal daripada cawangan masing-masing dalam masa satu (1) bulan dari Tarikh Pemberitahuan, jika gagal berbuat demikian, Hadiah Pelanggan Terawal itu akan dilupuskan dan Bank tidak akan melayani apa-apa tuntutan daripada Pemegang Akaun Layak setelah tamatnya tempoh masa yang disebutkan tadi.
28. Pemegang Akaun Layak yang tidak menerima pemberitahuan daripada HLB sebelum 27 September 2019, Pemegang Akaun Layak dianggap TIDAK layak untuk Hadiah Pelanggan Terawal di bawah Promosi ini.
29. Pemegang Akaun Layak bertanggungjawab untuk memaklumkan HLB secara bertulis sebelum 27 September 2019 sekiranya tidak menerima Hadiah Pelanggan Terawal, sekiranya gagal, Pemegang Akaun Layak akan dianggap telah menerima Hadiah Pelanggan Terawal dari cawangan masing-masing.

HADIAH

30. Hadiah Daftar Diri dan Hadiah Pelanggan Terawal (secara kolektif disebut di dalam ini sebagai “Hadiah”) untuk Promosi ini.
31. Pemberitahuan akan dikeluarkan sekiranya mana-mana atau kesemua Hadiah itu kehabisan stok dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB di www.hlb.com.my (“Laman Web HLB”).
32. Hadiah akan dikeluarkan atas dasar “Sebagaimana Ada”. Hadiah yang dipaparkan dalam semua bahan bercetak dan/atau Laman Web HLB adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Apa-apa prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama Hadiah dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan dan bukanlah sebahagian daripada Hadiah.
33. Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan sama sekali jika ada Hadiah yang hilang, koyak, rosak atau dicuri dan sebarang permintaan untuk mendapat gantian Hadiah tidak akan dilayani oleh Bank.
34. Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit muka, cek atau manfaat barangan; dan

UMUM

35. Dengan menyertai Promosi, Pelanggan bersetuju:
 - i) telah membaca, memahami dan mematuhi Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun Bank dan Terma & Syarat Harvest SA;
 - ii) keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Promosi adalah muktamad, dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan dan sebarang surat-menyurat dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank tidak akan dilayani Bank;
 - iii) mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat Promosi dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat;
 - iv) Bank tidak memberi representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian Hadiah; dan
 - v) bertanggungjawab dan hendaklah menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Promosi.
36. Bank berhak:
 - (i) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank;
 - (ii) mengubah, menambah, membatalkan atau menggantikan kesemua atau mana-mana Hadiah dengan produk lain yang sama nilainya pada bila-bila masa dengan memberi notis awal;
 - (iii) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan, Pelanggan Layak, Pelanggan FD Layak, Pemegang Akaun Layak atas apa jua sebab sekalipun yang Bank anggap wajar menurut budi bicara mutlaknyanya daripada menyertai Promosi dan/atau layak menerima Hadiah itu; dan
 - (iv) melupuskan Hadiah sekiranya Pelanggan tidak mematuhi Terma & Syarat di dalam ini dan / atau Terma dan Syarat Am Akaun Hong Leong bagi Akaun Semasa dan Akaun Simpanan Hong Leong, Harvest SA dan semua undang-undang / peraturan berkenaan yang lain.

37. Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini dengan Terma dan Syarat Am Akaun, maka Terma & Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
38. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi dan publisiti dan bahan lain berkaitan dengan atau bersabit dengan Promosi ini, maka Terma & Syarat seperti dalam Laman Web HLB hendaklah diutamakan.
39. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia,
40. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit